

KATA KERJA TAK TRANSITIF

- Menerangkan *perbuatan* yang dilakukan oleh pelaku terhadap dirinya sendiri.
- Tidak memerlukan *objek* atau *penyambut*.
- Terbahagi kepada dua:-
 - *Tanpa pelengkap* - dapat berdiri sendiri *tanpa objek* atau *penyambut*:-
 - ◆ Laili **bermain**.
 - ◆ Padi **menguning**.
 - ◆ Budak itu **tertawa**.
 - ◆ Pelajar itu **pulang**.
 - *Berpelengkap* - mesti diikuti oleh *pelengkap* untuk menyempurnakan maksud ayat.
 - ◆ Laili **keluar** dari kelas.
 - ◆ Sofia **menjadi** guru.
 - ◆ Penyakitnya **beransur** pulih.

Pilih jawapan yang betul.

1. Badan Nabilah _____ kerana ketakutan.
A menggeliat C menggelupur
B menggeletar D menggelepar
2. Pengemis itu _____ oleh pekerja restoran tersebut.
A dihalang C dihalau
B dibuang D ditindas
3. Anak ayam lari bertempiaran apabila seekor helang cuba _____.
A merenggut C merampas
B menyambar D mengambil
4. Kampung Berlian dan Kampung Permata _____ oleh sebatang sungai.
A terbelah C terpecah
B terpisah D terbahagi
5. Ular sawa itu _____ seekor kambing.
A melulur C mengunyah
B meneguk D menghisap

6. Sebelum sesuatu aktiviti dijalankan kita perlulah _____nya terlebih dahulu.
A merancang C melaksana
B menimbang D melihat
7. Mulut adik _____ semasa mendengar cerita yang disampaikan oleh nenek.
A tertutup C terlopong
B tersengih D terkatup
8. Banduan itu terpaksa _____ di penjara selama lima tahun akibat kesalahan mencuri.
A menetap C meringkuk
B menginap D menumpang
9. Adik _____ kerana memakai kasut tumit tinggi ibu.
A terjatuh C terhantuk
B tertimpa D terhempas
10. Bekalan air di kawasan kami sering _____ .
A terkandas C terpotong
B terganggu D terhalang
11. Chong Ming _____ sebaik-baik sahaja dia terjaga daripada tidur.
A mendengkur C menggeliat
B mendepang D menganga
12. Kenny jatuh terduduk apabila _____ kulit pisang.
A terpijak C tersentuh
B terpegang D terlangkah
13. Hasil eksperimen itu akan _____ dalam kumpulan masing-masing terlebih dahulu sebelum diserahkan kepada beliau.
A diumumkan C dibahaskan
B dinyatakan D dibincangkan

14. Alia duduk _____ dengan santunnya sambil melayan tetamunya.

A bersila

C bersimpuh

B berlunjur

D bertinggung

15. Hati Puteri Nur Ashikin _____ apabila mendengar kisah sedih yang menimpa pemuda malang itu.

A terdiam

C tersayat

B tercalar

D tersentuh

16. Kak Wan mengeluarkan pai ayam yang telah _____ nya dari ketuhar.

A dibakar

C didiang

B disalai

D dikukus

17. Semua murid di dalam kelas Enam Bestari _____ untuk mendapat 5A dalam Ujian Penilaian Sekolah Rendah.

A berebut

C berjuang

B bersaing

D berlawan

18. Syarikat Seri Maju berhasrat untuk meneruskan pembinaan projek perumahan yang _____ itu.

A terhenti

C terkandas

B terbantut

D terbengkalai

19. Remaja yang _____ dalam gejala sosial itu akan diberi kaunseling.

A terjerumus

C tertiarap

B tersungkur

D terjatuh

20. Pasukan kriket sekolah mereka telah _____ oleh pasukan lawan.

A dimusnahkan

C ditewaskan

B dimenangkan

D dihapuskan